

**PENGAPLIKASIAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM PENGAJARAN  
KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH  
KOTA BAHRU, KELANTAN**

**Zainudin bin Hassan, Hamdan bin Said, Jamilah bt. Omar, Haslita bt. Hassan**

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia


**ABSTRAK**

Kertas kerja ini meninjau pengaplikasian kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dalam pengajaran guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) di 20 buah sekolah menengah di daerah Kota Bharu, Kelantan. Objektif kajian ialah melihat sejauh mana pengaplikasian kemahiran berfikir sewaktu set induksi, penyampaian isi, melakukan amali, menutup pengajaran dan membuat penilaian pengajaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (P & P) yang berlaku di dalam kelas. Borang soal selidik dan diedarkan kepada 53 responden. Data dianalisis menggunakan *SPSS 11.0 For Windows* untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif sewaktu set induksi, penyampaian isi, melakukan amali, menutup pengajaran dan membuat penilaian pengajaran berada pada tahap pengaplikasian yang tinggi dengan min 4.43. Hasil kajian menunjukkan seramai 96.46 % mengaplikasikan KBKK semasa set induksi, 80.43% semasa menyampaikan isi pelajaran, 96% semasa melakukan amali, 94.33% semasa menutup pengajaran dan 90.75% semasa membuat penilaian.

**PENGENALAN**

Penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) adalah selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara untuk meningkatkan kemampuan intelek pelajar berfikir secara kritis dan kreatif. Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif disepadukan di dalam pengajaran bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar supaya berfikir secara kritis dan boleh menghasilkan idea-idea baru. Kemahiran berfikir diterapkan kepada pelajar melalui soalan-soalan aras tinggi, aktiviti-aktiviti yang menggalakkan pemikiran dan penyelesaian masalah serta kaedah-kaedah pengajaran.

Terdapat pelbagai jenis kemahiran berfikir mengikut pandangan dan aliran pemikiran. Secara amnya, kemahiran berfikir dapat dibahagikan kepada dua domain utama iaitu kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran berfikir secara kreatif.



**Rajah 1** : Jenis-jenis Kemahiran Berfikir

Sumber : Som dan Mohd Dahalan (1998)

**Jadual 1** : Organisasi Kandungan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu

<b>Bahagian Teras</b>	<b>Bahagian Pilihan</b>
<p><b><u>Kemahiran Manipulatif</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kerja Kayu dan Logam</li> <li>b. Kerja Paip Asas</li> <li>c. Elektrik</li> <li>d. Elektronik</li> <li>e. Pengurusan Diri</li> <li>f. Perkebunan</li> </ul> <p><b><u>Perdagangan dan Keusahawanan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pengenalan Alam Perniagaan</li> <li>b. Asas Keusahawanan</li> </ul>	<p><b><u>Kemahiran Manipulatif Tambahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Lukisan Teknik</li> <li>b. Enjin</li> <li>c. Elektrik</li> <li>d. Elektronik</li> </ul> <p><b><u>Ekonomi Rumah Tangga</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Makanan dan Pemakanan</li> <li>b. Pakaian</li> <li>c. Tempat Kediaman</li> </ul>

c. Asas Perniagaan d. Menyimpan Rekod e. Konsumerisme f. Pengeluaran g. Industri Tempatan  <u><b>Kekeluargaan</b></u> a. Peningkatan Kendiri b. Kesejahteraan Keluarga c. Keharmonian Hidup Bermasyarakat	<u><b>Pertanian</b></u>  a. Tanaman b. Ternakan
--	--

Sumber : Pusat Perkembangan Kurikulum (1992)

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) merupakan mata pelajaran pravokasional yang bertujuan untuk melengkapkan pelajar-pelajar dengan kemahiran-kemahiran asas secara teori dan juga praktikal yang diperlukan untuk mengendalikan kehidupan seharian dengan penuh sistematik. Mata pelajaran ini diperkenalkan pada tahun 1989. Pada tahun 1991, mata pelajaran ini dikenali sebagai Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dan dibahagikan kepada bahagian teras dan bahagian pilihan. Bahagian teras terdiri daripada tiga komponen iaitu Kemahiran Manipulatif, Perdagangan dan Keusahawanan dan Kekeluargaan yang wajib dipelajari oleh semua pelajar, manakala bahagian pilihan ialah Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT), Ekonomi Rumah Tangga (ERT) dan Pertanian. Semua pelajar tingkatan satu hingga tingkatan tiga diwajibkan untuk mempelajari komponen di dalam bahagian teras, manakala salah satu daripada tiga komponen pilihan.

Mengikut huraian sukatan mata pelajaran KHB, pengajaran dan pembelajaran (P & P) hendaklah dilakukan dalam berbagai bentuk aktiviti dan kerja praktis. Guru-guru boleh menggunakan pelbagai aktiviti seperti membuat projek, tunjuk cara, lawatan, main peranan, simulasi dan sebagainya. Adakah kesemua guru telah diberikan latihan yang secukupnya dari segi penerapan pengaplikasian KBKK dalam pengajaran dan pembelajaran?

### **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan.

1. Apakah guru-guru mengaplikasikan KBKK semasa set induksi dalam pengajaran?
2. Apakah guru-guru mengaplikasikan KBKK semasa penyampaian isi pelajaran?
3. Apakah guru-guru mengaplikasikan KBKK semasa melakukan amali dalam pengajaran?
4. Apakah guru-guru mengaplikasikan KBKK semasa menutup pengajaran?
5. Apakah guru-guru mengaplikasikan KBKK semasa membuat penilaian?

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan (survey) dan bertujuan melihat secara umum serta mengkaji pengaplikasian KBKK oleh guru dalam pengajaran KHB (ERT) di 20 buah sekolah menengah Daerah Kota Bharu, Kelantan.

Instrument kajian ialah satu set soal selidik yang dibina sendiri berdasarkan persoalan kajian. Set soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A berkaitan maklumat diri guru dan Bahagian B ialah berkaitan persoalan pengaplikasian KBKK di dalam pengajaran.

Kebolehpercayaan untuk soal selidik ini berada pada tahap tinggi iaitu nilai Alpha Cronbach 0.9345. SPSS 11.0 digunakan untuk mencari nilai kekerapan, peratus dan min. Jadual min yang digunakan untuk menggambarkan tahap ialah :

**Jadual 2** : Tahap mengikut nilai Min

<b>TAHAP</b>	<b>MIN</b>
Rendah	1 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.66
Tinggi	3.67 – 5.0

#### **ANALISA DATA**

Data telah diringkaskan dengan menggunakan jadual di bawah.

**Jadual 3** : Analisa kekerapan dan peratusan untuk jantina, umur, taraf pendidikan, pengalaman mengajar dan menghadiri kursus KBKK

<b>JANTINA</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>PERATUS(%)</b>
Lelaki	-	-
Perempuan	53	100.0
<b>UMUR</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>PERATUS (%)</b>
Kurang 35 tahun	15	28.3
36 hingga 45 tahun	25	47.2
46 tahun ke atas	13	24.5
<b>TARAF PENDIDIKAN</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>PERATUS(%)</b>
SPM	4	7.5
STPM	1	1.9
Sijil Maktab	31	58.5
Diploma	5	9.4
Sarjana Muda	12	22.8
<b>PENGALAMAN MENGAJAR</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1-4 tahun	9	17.0
5 – 8 tahun	11	20.8
9 – 12 tahun	5	9.4
Lebih 13 tahun	28	52.8
<b>MENGHADIRI KURSUS KBKK</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>PERATUS (%)</b>
< 3	29	54.7

4 – 6	13	24.5
> 7	11	20.8

#### **PENGAPLIKASIAN KBKK SEMASA SET INDUKSI**

<b>NO.</b>	<b>PERNYATAAN</b>	<b>MIN</b>
1.	Saya meminta pelajar membanding dan membezakan maksud di antara makanan dan pemakanan	4.49
2.	Saya meminta pendapat pelajar terhadap ciri-ciri kediaman yang baik	4.64
3.	Saya meminta pelajar mengkategorikan apa yang dipelajari mengikut kumpulan	4.23
4.	Saya mengingatkan pelajar dan meminta pelajar berfikir kesan penggunaan alatan yang tidak betul	4.58
5.	Saya sering mengaitkan sesuatu objektif dengan pengalaman kehidupan seharian pelajar	4.62
6.	Saya meminta pelajar memberikan definisi mengenai diet seimbang	4.72
7.	Saya meminta pelajar membuat perbandingan cara menyimpan pakaian	4.42
8.	Saya meminta pelajar membuat perbandingan pembelajaran yang lalu	4.15
	<b>Purata</b>	<b>4.48</b>

#### **PENGAPLIKASIAN KBKK SEMASA PENYAMPAIAN ISI PENGAJARAN**

<b>NO.</b>	<b>PERNYATAAN</b>	<b>MIN</b>
9.	Saya meminta pelajar membezakan antara fabrik asli dengan fabrik buatan	4.68
10.	Saya meminta pelajar memberikan sebab berkaitan isi pembelajaran	4.06
11.	Saya membuat penyusunan isi pelajaran mengikut keutamaan	4.70
12.	Saya meminta pelajar membuat semakan terhadap isi yang hendak dihujah	4.11
13.	Saya menggunakan kemahiran mencipta Metafora untuk melambangkan sesuatu	3.89
14.	Saya menyuruh pelajar mengaplikasikan pembelajaran konsep, fakta dan teori makanan dan pemakanan dalam situasi yang baru bagi menyelesaikan masalah.	4.26
15.	Saya meminta pelajar mendefinisikan di antara kelim dan kelepak.	4.68
16.	Saya meminta pelajar mendefinisikan ruang kerja, ruang sosial dan ruang persendirian semasa pengajaran ruang dalam tempat kediaman.	4.72
	<b>Purata</b>	<b>4.39</b>

#### **PENGAPLIKASIAN KBKK SEMASA MELAKUKAN AMALI**

<b>NO.</b>	<b>PERNYATAAN</b>	<b>MIN</b>
17.	Saya meminta pelajar menyatakan sebab mengapa perlu sayur-sayuran perlu dibasuh dahulu sebelum dipotong.	4.77
18.	Saya meminta pelajar meneliti kedudukan perabot-perabot dan meminta rasional perabot-perabot itu sesuai diletakkan pada tempat tertentu.	4.53
19.	Saya meminta pelajar membuat andaian mengenai kepentingan membersihkan tempat kediaman.	4.64

20.	Saya meminta pelajar memikirkan projek yang akan dibuat berdasarkan bahan-bahan kerja yang disediakan sebelum amali dilakukan.	4.15
21.	Saya berusaha menerapkan lain-lain kemahiran yang mempunyai kegunaan yang sama di mana ia boleh memberikan manfaat kepada pelajar.	4.38
22.	Saya meminta pelajar menyediakan peralatan yang diperlukan.	4.25
23.	Pembahagian kumpulan amali akan dilaksanakan untuk membantu pelajar berbincang dan menghasilkan idea yang baru.	4.60
24.	Saya meminta pelajar berbincang seterusnya menyusun kutleri dan juga makanan di atas meja mengikut cara Melayu/Cina/India menggunakan segala kutleri dan makanan yang telah disediakan.	4.57
<b>Purata</b>		<b>4.49</b>

#### **PENGAPLIKASIAN KBKK SEMASA MENUTUP PENGAJARAN**

<b>NO.</b>	<b>PERNYATAAN</b>	<b>MIN</b>
25.	Saya meminta pelajar mengaplikasikan kemahiran membuat kategori/klasifikasi dalam memilih makanan yang seimbang.	4.49
26.	Saya meminta pelajar meramalkan apa yang akan terjadi jika seseorang itu memilih pakaian tanpa mengikut prinsip pemilihan pakaian.	4.42
27.	Saya menyoal pelajar terhadap sesuatu perkara untuk mendapatkan alasan mereka.	4.40
28.	Saya meminta pelajar menyusun semula langkah-langkah pembinaan projek mengikut urutannya.	4.57
29.	Saya mengaitkan kemahiran metafora (melihat sesuatu perkara itu sebagai suatu perkara yang lain) semasa menutup pengajaran.	4.08
30.	Saya meminta pelajar membuat kesimpulan melalui persamaan dan perbezaan isi pelajaran yang telah diajar.	4.29
31.	Saya meminta pelajar memberikan ulasan mengenai isi pelajaran yang telah dipelajari semasa menutup pengajaran.	4.15
32.	Saya meminta pelajar mendefinisikan maksud nutrien di akhir pengajaran topik fungsi nutrien makanan.	4.68
<b>Purata</b>		<b>4.36</b>

#### **PENGAPLIKASIAN KBKK SEMASA MEMBUAT PENILAIAN**

<b>NO.</b>	<b>PERNYATAAN</b>	<b>MIN</b>
33.	Saya gemar memberikan latihan yang memerlukan pelajar membuat kategori dan klasifikasi.	4.45
34.	Saya memberikan latihan yang meminta pelajar menulis langkah-langkah yang harus dilakukan sebelum menggunakan mesin jahit.	4.45
35.	Saya bertanya pelajar, apa yang akan terjadi sekiranya pakaian dicuci tanpa mengambilkira panduan pada label jagaan tekstil antarabangsa.	4.64
36.	Saya sering memberikan latihan yang berbentuk perbandingan dan perbezaan dalam setiap tajuk yang diajar.	4.32
37.	Saya kerap memberikan latihan yang mampu menjana dan menghasilkan idea pelajar.	4.42

38.	Saya ada memberikan latihan yang meminta pelajar memberikan definisi untuk menguji kefahaman mereka.	4.55
39.	Saya memberikan latihan yang meminta pelajar melihat sesuatu perkara sebagai suatu perkara yang lain.	4.08
40.	Saya meminta pelajar membuat latihan mengenai pengkelasan melalui ciri-ciri persamaan dan perbezaan dalam pengajaran kandungan nutrien dalam makanan.	4.45
	<b>Purata</b>	<b>4.42</b>

#### **KEPUTUSAN PURATA MIN SETIAP PERSOALAN KAJIAN**

<b>Persoalan kajian</b>	<b>Purata Min</b>	<b>Tahap</b>
Pengaplikasian KBKK semasa set induksi	4.48	Tinggi
Pengaplikasian KBKK semasa menyampaikan isi pelajaran	4.39	Tinggi
Pengaplikasian KBKK semasa pengajaran amali	4.49	Tinggi
Pengaplikasian KBKK semasa menutup pengajaran	4.36	Tinggi
Pengaplikasian KBKK semasa membuat penilaian	4.42	Tinggi
<b>Purata</b>	<b>4.43</b>	<b>Tinggi</b>

#### **RUMUSAN**

Pengkaji mendapati pengaplikasian KBKK dalam mata pelajaran KHB (ERT) dikalangan guru-guru sekolah menengah daerah Kota Bharu berada pada tahap tinggi dengan purata min 4.43. Rumusan hasil dapatan kajian ialah :

1. Guru-guru mengaplikasikan KBKK dalam pengajaran mata pelajaran KHB (ERT) semasa set induksi adalah pada tahap yang tinggi dari segi kemahiran membanding dan membeza, kemahiran membuat andaian, kemahiran membuat kategori, kemahiran membuat ramalan, kemahiran menjana dan menghasilkan idea, kemahiran mencipta definisi dan kemahiran mencipta analogi.
2. Guru-guru mengaplikasikan KBKK kemahiran semasa menyampaikan isi pelajaran pada tahap yang tinggi dari segi kemahiran membanding dan membeza, kemahiran menerang sebab, kemahiran menyusun mengikut urutan, kemahiran mengusul periksa andaian, kemahiran mencipta metafora, kemahiran menjana dan menghasilkan idea dan mencipta definisi.
3. Guru-guru mengaplikasikan KBKK dalam pengajaran KHB (ERT) pada tahap tinggi semasa melakukan amali dari segi kemahiran menerangkan sebab, kemahiran meneliti bahagian kecil, kemahiran mengusul periksa andaian, kemahiran membuat andaian, mencipta metafora, mencipta analogi dan kemahiran menjana dan menghasilkan idea.
4. Guru-guru mengaplikasi KBKK dalam pengajaran KHB (ERT) semasa menutup pengajaran pada tahap yang tinggi dari segi kemahiran membuat kategori, kemahiran membuat ramalan, menerangkan sebab, menyusun mengikut urutan, mencipta metafora, mencipta analogi dan mencipta definisi.

5. Guru-guru mengaplikasikan KBKK dalam pengajaran KHB (ERT) semasa membuat penilaian pada tahap yang tinggi dari segi kemahiran membuat kategori, menyusun mengikut urutan, membuat ramalan, membanding dan membeza, kemahiran menjana dan menghasilkan idea, mencipta definisi, metafora dan kemahiran mencipta analogi.

## **CADANGAN**

Berdasarkan hasil kajian, penyelidik menyenaraikan beberapa cadangan:

1. Guru-guru yang masih baru dan guru-guru berkelulusan sarjana muda boleh meningkatkan lagi pengaplikasian KBKK dalam pengajaran terutama kemahiran mencipta metafora kerana kurang pengetahuan dan kefahaman.
2. Pihak Kementerian Pelajaran boleh membuat pemantauan terhadap pengajaran guru terhadap pengaplikasian KBKK.
3. Pihak JPT dan PPK boleh mengeluarkan modul pelaksanaan KBKK dalam KHB untuk memudahkan pengaplikasian KBKK.
4. Pihak Universiti perlu menekankan penerapan KBKK di kalangan siswazah perguruan.

## **PENUTUP**

Kajian ini menunjukkan pengaplikasian KBKK dalam KHB (ERT) di kalangan guru-guru sekolah menengah Daerah Kota Bharu adalah tinggi. Pelbagai kemahiran, latihan atau kursus perlu diterapkan untuk meningkatkan lagi pengaplikasian KBKK dalam pengajaran mata pelajaran KHB (ERT).

## **BIBLIOGRAFI**

- Amir Omar (2003). "Pengaplikasian Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif dalam corak Pengajaran KHB (perkebunan/pertanian) di Sek. Men. Rendah Jempol Negeri Sembilan". Projek Sarjana Muda : UTM.
- Azrul Hady Dzulkafly (2002). "Pengaplikasian Kemahiran Berfikir secara kritis dan kreatif dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di Lapan Buah Sekolah Kuala Kangsar". Projek Sarjana Muda: UTM.
- Dalilah Abdul Ghany (2003). "Pengaplikasian KBKK dalam Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Reka cipta)". Projek Sarjana Muda : UTM.
- Esah Sulaiman (1997). "Pedagogi dalam Bilik Darjah". Skudai : UTM.
- Mohd Azhar Abdul Hamid (2001). "Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif" Skudai : UTM.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan ". Skudai : UTM.
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 1. Hulu Kelang : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Poh Swee Hiang (2000). "KBKK edisi Kedua – Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif". Kuala Lumpur : Percetakan Sentosa.
- Samsu Yaacob (1996). "Aplikasian Kemahiran Berfikir dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Men. Atas. Kajang :Makruf Publisher.
- Som Nor dan Mohd Dahlan Mohd Ramli (1998). "Kemahiran Berfikir Secara Kritis & Kreatif(KBKK). Petaling Jaya : Pearson Education.



Sufean dan Rahim (1995). "Thinking Skill Application in Study". Kuala Lumpur : UM.  
Tuckman W.B. (1978). "Conducting Educational research". New York : Harcourt.